

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 3, NO.9 HINGGA NO. 57)

17 NOV 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 8)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**



PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK]

TARIKH : 17.11.2015

SOALAN :

Tan Sri Dato Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pembinaan sekolah rendah dan menengah yang akan dilaksanakan di seluruh negara dalam masa terdekat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya sebanyak 430 projek pembinaan termasuklah sekolah menengah dan rendah masih berlangsung pembinaannya di seluruh negara bagi pelaksanaan di bawah RMKe-10.

Manakala bagi projek-projek di bawah RMKe-11, sebanyak 198 projek dirancang untuk dilaksanakan pembinaannya di bawah *Rolling Plan 1(2016-2017)*, walau bagaimanapun ia tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]
TARIKH : 17 NOVEMBER 2015
SOALAN :**

YB Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pelaksanaan Fasa 2 bangunan Hospital Daerah Lawas yang baru akan bermula.

Tuan Yang di-Pertua,

Peringkat Fasa 2B iaitu Kerja-Kerja Bangunan Hospital Lawas sekarang berada di peringkat memuktamadkan kos. Seterusnya selepas kos ini diluluskan rundingan harga dengan pihak kontraktor akan diadakan. Adalah dijangka proses ini akan mengambil masa sehingga pertengahan tahun 2016.

SOALAN NO: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 17 NOVEMBER 2015

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji KPI pengerusi Mahkamah Perusahaan untuk mencapai tahap keyakinan yang membanggakan.

PR-1333- L70583

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua

1. Telah menjadi hasrat Mahkamah Perusahaan agar setiap kes pertikaian yang dirujuk dapat diselesaikan secepat mungkin tanpa penangguhan supaya keadilan dapat diberikan kepada semua pihak yang bertikai. Bagi memastikan hasrat ini tercapai Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah menetapkan KPI Pengerusi Mahkamah Perusahaan dan dari masa ke semasa membuat

penambahbaikan ke atas KPI bagi tujuan mempercepat penyelesaian kes.

2. KPI Pengerusi Mahkamah Perusahaan dalam penyelesaian kes sebelum ini adalah ditetapkan di dalam tempoh 24 bulan. Setelah kajian semula, penambahbaikan telah dibuat di mana bermula pada tahun 2011, KPI bagi tempoh penyelesaian kes telah dipendekkan kepada **16 bulan**. Kerajaan akan sentiasa memantau dan mengkaji KPI Pengerusi Mahkamah Perusahaan untuk mencapai tahap keyakinan yang membanggakan.

3. Disamping kajian terhadap KPI Pengerusi Mahkamah Perusahaan, beberapa langkah turut diambil bagi mempercepat penyelesaian kes seperti berikut:

- a. Mengurangkan penangguhan kes. Tidak membenarkan permohonan daripada peguam untuk menangguhkan perbicaraan kes atas sesuatu sebab atau alasan melainkan dengan sebab atau alasan yang munasabah dan tidak dapat dielakkan seperti cuti sakit dan kecemasan.
- b. Menggunakan pendekatan *Alternatif Dispute Resolution* (ADR) melalui kaedah Perantaraan (Mediation) atau Penilaian Awal Kes (Early Evaluation) untuk mempercepat penyelesaian kes.

- c. Pelaksanaan Sistem Perekodan Digital (SPD) di 11 buah Mahkamah yang akan memendekkan tempoh perbicaraan sesuatu kes.
- d. Pelaksanaan modul e-Pemfailan dan juga e-Penyerahan dokumen.
- e. Menggalakkan hujahan dibuat secara lisan.